



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KEBUN KOKO TAHUN HADAPAN
DIJANGKA PERTINGKAT HASIL PENGELUARAN BIJI KOKO**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah bertemu pengusaha tanaman koko di Kampung Serpan Laut, Asajaya, Sarawak semasa Program Trek Komoditi 2023 (Zon Sarawak) anjuran Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) bertempat di kebun koko milik Encik Haili bin Hassan.

Dalam sesi pertemuan bersama pengusaha tanaman koko ini, YAB Dato' Sri Haji Fadillah telah menyempurnakan sesi penyerahan borang permohonan menyertai Program Pemulihan Kebun Koko daripada penanam koko setempat di kawasan Asajaya.

Program Pemulihan Kebun Koko bakal dilaksanakan pada tahun hadapan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM). Antara inisiatif di bawah program ini adalah pengagihan insentif penanaman koko di Sarawak seluas 512 hektar dengan peruntukan projek di Sarawak berjumlah RM2.5 juta.

Input dan peralatan pertanian, anak benih koko bercantum dan insentif pokok pelindung serta pembersihan kawasan adalah merupakan antara bentuk insentif yang bakal diagihkan menerusi program tersebut.

Kelompok koko di Serpan Laut, Asajaya telah mula dibangunkan pada tahun 2018 (TBCC18) melibatkan 3 orang peserta dengan kawasan seluas 3 hektar. Kini, jumlah peserta tanaman koko di Kelompok Kampung Serpan Laut, Asajaya adalah seramai 16 orang dengan keluasan 16 hektar.

Pada tahun 2022, tanaman koko Kampung Serpan Laut telah mula mengeluarkan hasil biji koko sebanyak 248.15 kilogram. Manakala, dalam tempoh Januari-September 2023, jumlah pengeluaran biji kokonya telah mencapai 1,237.50 kilogram (1.2 tan metrik).

Setakat ini, jumlah keluasan kawasan tanaman koko negara adalah 5,985 hektar dengan 24% daripada jumlah tersebut diwakili oleh Sarawak yang meliputi keluasan 1,454 hektar.

Dalam tempoh Januari-September 2023, jumlah pengeluaran biji koko negara mencatat jumlah sebanyak 168,000 kilogram (168 tan metrik).

Kementerian menerusi LKM yakin pelaksanaan Program Pemulihan Kebun Koko pada tahun hadapan dijangka dapat mempertingkatkan hasil pengeluaran biji koko seterusnya merancakkan penjanaan ekonomi dalam sektor agrikomoditi negara.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
25 NOVEMBER 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perlindungan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my